

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman

◀ SP 2.1.2; 5.2.1; 5.3.1; 5.6.1

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Pak Hamid membina _____ daripada buluh untuk dijadikan tempat beristirahat bersama keluarganya.
A kekisi C bebalai
B kekuda D bebendul
- “Encik Razlan ialah _____ bola sepak yang baharu untuk pasukan bola sepak sekolah kita,” kata Amir kepada rakannya.
A jurulatih C jurumudi
B juruacara D juruteknik
- Puan Mariah _____ gembira apabila banyak pengunjung memuji keenakan kuih-muih tradisional yang dijual olehnya.
A tersedu C tersenyum
B terpegun D terperanjat
- “Saya akan mengambil _____ dalam acara olahraga semasa Hari Sukan Negara nanti,” kata Vineshwaran dengan teruja.
A bahagian C pembahagi
B terbahagi D pembahagian
- Kelihatan _____ orang memenuhi Stadium Bukit Jalil untuk menyaksikan perlawanan bola sepak antara pasukan Pahang dengan pasukan Perak.
A berdua-dua

- B beribu-ribu
C berjuta-juta
D masing-masing

Soalan 6 – 7

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

6. Pihak sekolah sentiasa memberikan galakan kepada setiap murid-murid di
A B
sekolah itu demi kecergasan diri.
C

Tiada kesalahan
D

7. Seni warisan yang merupakan tunggal
A B
sesuatu kaum harus dipelihara dan dikekalkan sepanjang zaman.
C

Tiada kesalahan
D

Soalan 8 – 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

8. I Nenek mengukur kelapa dengan menggunakan parut kelapa.

- II Ibu *mengukur* lebar kain dengan menggunakan pita pengukur.
 - III Pak Cik Abbas sedang *mengukur* kayu di bengkelnya.
 - IV Dia cuba *mengukur* perasaan iri hati terhadap sahabatnya itu.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
9. I Ibu memotong kain itu agak *condong*.
- II Umur lelaki tua yang badannya *condong* itu ialah 89 tahun.
 - III Menara yang *condong* ini merupakan bangunan bersejarah.
 - IV Saya lebih *condong* kepada permainan bola jaring daripada badminton.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 10 – 11

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

10. Dengan kata lain, lawatan ke tempat bersejarah itu banyak manfaatnya.
- A Dengan lain-lain kata
 - B Dengan kata-kata lain
 - C Dengan kata lain-lain
 - D Dengan kata lain
11. Kami begitu terpesona oleh kelembutan gerak-geri tarian inang.
- A amat terpesona sangat
 - B begitu memesonakan
 - C begitu pesona dengan
 - D begitu terpesona oleh

Soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

12. Lawatan sambil belajar anjuran Persatuan Sejarah itu disertai oleh Aina dan rakan-rakannya.
- A Aina dan rakan-rakannya akan menyertai lawatan sambil belajar anjuran Persatuan Sejarah itu.
 - B Persatuan Sejarah yang disertai oleh Aina dan rakan-rakannya itu akan menganjurkan lawatan sambil belajar.
 - C Aina dan rakan-rakannya akan menyertai Persatuan Sejarah semasa lawatan sambil belajar yang dianjurkan.
 - D Aina dan rakan-rakannya sambil belajar akan menyertai lawatan anjuran Persatuan Sejarah itu.

Soalan 13

Pilih ayat-ayat yang betul.

13. I Encik Abu usaha kilang labu sayong.
- II Tarian piring ini boleh ditarikan secara berpasangan.
 - III Istana Lama Seri Menanti terletak di Negeri Sembilan.
 - IV Najiha belajar cara-cara mencanting batik daripada neneknya.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 14

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

14. Kita harus memperkenalkan permainan tradisional kepada generasi baharu supaya permainan warisan ini
- A alah bisa, tegal biasa.
 - B patah tumbuh hilang berganti.
 - C panas tidak sampai ke petang.
 - D tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Soalan 15 – 18 berdasarkan pantun di bawah.

Sudut Sastera

- ▶ Pantun ialah puisi tradisional.
- ▶ Terdiri daripada pembayang maksud dan maksud.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut *selalu lelap*.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

15. Apakah maksud rangkap kelima pantun di atas?

- A Orang yang mendapat kesenangan mudah leka dan malas.
- B Sikap bekerjasama haruslah diamalkan dalam kehidupan seharian.
- C Orang yang memiliki wajah yang cantik belum tentu mempunyai hati yang baik.
- D Orang yang malas tidak akan memperoleh kesenangan.

16. Berdasarkan pantun, rangkai kata *selalu lelap* membawa maksud

- A malas bekerja.
- B sering tidur.
- C sering berehat.
- D banyak bermain.

17. Yang berikut merupakan bentuk pantun di atas, **kecuali**

- A bentuk pantun ini tidak terikat.
- B mempunyai lima rangkap pantun.
- C setiap rangkap terdiri daripada dua baris.
- D rima akhir pantun adalah terikat, iaitu aa.

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

18. Gaya bahasa yang terdapat dalam rangkap pantun di atas ialah

- A anafora.
- B inversi.
- C responsi.
- D personifikasi.